



***KETEPATAN PENGGUNAAN DIKSI ARAB DALAM PUISI MELAYU***

**MOHD HAZRI BIN ZAKARIA**

**FBMK 2017 80**



**KETEPATAN PENGGUNAAN DIKSI ARAB DALAM PUISI MELAYU**

Oleh

**MOHD HAZRI BIN ZAKARIA**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siwazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**November 2017**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

## KETEPATAN PENGGUNAAN DIKSI ARAB DALAM PUISI MELAYU

Oleh

**MOHD HAZRI BIN ZAKARIA**

**November 2017**

**Pengerusi : Muhd Zulkifli Ismail, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Puisi Melayu, sebagaimana bahasa Melayu itu sendiri turut terpengaruh dengan perkataan yang berasal daripada bahasa Arab. Dalam puisi Melayu, penggunaan diksi Arab dalam sesetengah keadaan dilihat boleh menimbulkan kekeliruan sekiranya tidak menepati maksud asal penggunaannya dalam bahasa asal. Kajian ini merupakan suatu usaha untuk mengenal pasti dan menganalisis ketepatan penggunaan diksi Arab dalam kumpulan puisi Melayu moden. Kumpulan puisi tersebut adalah kumpulan puisi Sumur Mahmudah karya Ony Latifah Osman (2006). Kajian ini menggunakan gabungan Teori Semantik (Teori Imej Makna) dan Teori Konseptual Kata Kunci. Melalui kajian ini, pemilihan diksi Arab untuk menyampaikan maksud tertentu dalam sesebuah puisi dapat dikenalpasti. Data kajian diperolehi, diklasifikasi dan dianalisis daripada aspek semantik berdasarkan teori yang dinyatakan. Hasil analisis menunjukkan kebanyakan diksi Arab yang digunakan adalah menepati makna asal. Walaubagaimanapun, terdapat juga beberapa diksi Arab yang digunakan oleh penyair dalam puisi mereka tidak menepati maksud asalnya dan boleh membawa kepada kekeliruan bagi khalayak pembaca. Justeru penggunaan diksi Arab khususnya dalam puisi perlu dilakukan dengan teliti. Secara tidak langsung, kajian ini membantu meningkatkan lagi kualiti dan nilai estetika sesebuah puisi yang dihasilkan terutamanya puisi yang mengandungi diksi Arab serta menjadi salah satu bahan kesusasteraan yang boleh diperluaskan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

## **ARABIC DICTION IN MALAY POETRY**

By

**MOHD HAZRI BIN ZAKARIA**

**November 2017**

**Chairman : Muhd Zulkifli Ismail, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

The Malay poem, similar to Malay language which is heavily influenced by the words derived from Arabic Language. In Malay poetry, the use of Arabic diction in some situations can lead to confusion if it does not conform to the original meaning of its use in the original language. This study aims to identify and analyze the aspects in the use of Arabic diction in the modern Malay poetry groups. The collection of poems is a collection of poems of Sumur Mahmudah by Ony Latifah Osman (2006). This study uses a combination of Semantic Theory (Theoretic Image Theory) and Keyword Conceptual Theory. From this study, we could identify that the choice of Arabic diction to convey the specific meaning in a poem. The research data obtained were classified and analyzed from the semantic aspect based on the stated theory. The results of the analysis show that most Arabic dictions are used to conform to the original meaning. However, the study also has found that some Arabic dictions used by the poets in their poems do not seem to conform to their original meanings, and this could lead to confusion for readers. Hence, the use of Arabic diction, especially in poetry, should be chosen carefully. It is hoped that this study will enhance the aesthetic qualities and values of poetry, particularly the poems which contain Arabic diction and become one of the widely available literary materials.

## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T. Tuhan sekalian alam. Juga selawat serta salam ke atas junjungan mulia Rasulullah S.A.W. Sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia, Dr. Muhd Zulkifli Ismail dan Dr. Che Radiah Mezah selaku ahli jawatankuasa penyeliaan atas bantuan, bimbingan serta galakan yang diberi sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Juga jutaan terima kasih kepada pensyarah Unit Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia atas limpahan ilmu dan pedoman berguna terutama Dr. Syed Nurulakla Syed Abdullah yang sentiasa memberi motivasi agar terus menyiapkan penulisan tesis ini. Tidak dilupakan, Prof. Madya Dr. Samsina Abd. Rahman selaku mantan ahli jawatankuasa yang telah menyumbang idea di awal penulisan tesis ini. Tidak lupa juga kepada Allahyarham Prof. Madya Dr. Muhammad Fauzi Jumingan yang memberi galakan ketika hari pertama melapor diri untuk sesi pengajian peringkat sarjana ini.

Penghargaan yang teramat istimewa ditujukan kepada arwah abah, Allahyarham Dr. Zakaria bin Mohd Ali yang tidak jemu-jemu memberikan semangat dan motivasi kepada Along agar tidak berputus asa dan terus tabah menyiapkan tesis ini walau sekuat mana ombak dan badai yang datang melanda. Nasihat abah akan sentiasa kekal di hati ini. Juga buat mama, Hanifah binti Abdul Aziz kerana sentiasa kekal di sisi dalam menjadi sumber inspirasi kepada Along untuk berjaya dalam bidang akademik sebagai seorang sarjana Islam.

Buat arwah ibu saudara, Allahyarham Azimah binti Abdul Aziz yang sentiasa kekal di ingatan, selalu menasihatkan agar terus belajar tiap kali berjumpa semasa hayatnya. Tidak lupa kepada adik-adik iaitu Dr. Nur Zuria Nisa, Mohd. Ashraf dan Nur Izzati Nabilah yang juga sentiasa memberikan dorongan dan galakan agar Along dapat menyelesaikan kajian di peringkat Sarjana ini. Semoga perjuangan ini dikira sebagai ibadah di sisi Allah S.W.T. dan beroleh pahala dan keberkatan bersama.

Jutaan terima kasih kepada rakan-rakan sepengajian yang sentiasa menyumbang idea dan pandangan serta bahan rujukan. Buat rakan-rakan sekerja di CALC dan FBMK yang sentiasa memberi sokongan dan galakan agar meneruskan penulisan tesis sehingga ke noktah akhirnya. Juga buat para pelajar Universiti Putra Malaysia yang dikasihi, sokongan dan galakan serta doa kalian amat dihargai sepanjang menyiapkan tesis ini.

Semoga kajian ini membuka jalan-jalan ilmu selebarnya untuk dimanfaatkan oleh pengkaji, golongan akademik serta para musafir yang sentiasa dahagakan ilmu. In sya Allah.

Mohd Hazri bin Zakaria  
Shah Alam, Selangor  
2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Muhd Zulkifli b Ismail, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Che Radiah bt Mezah, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**  
Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Mohd Hazri Bin Zakaria



## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: \_\_\_\_\_

## JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

<b>ABSTRAK</b>	i	
<b>ABSTRACT</b>	ii	
<b>PENGHARGAAN</b>	iii	
<b>PENGESAHAN</b>	iv	
<b>PERAKUAN</b>	iv	
<b>SENARAI RAJAH</b>	x	
<b>BAB</b>		
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Persoalan Kajian	8
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Batasan Kajian	8
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Definisi Konsep dan Operasional	10
1.7.1	Diksi Arab	10
1.7.2	Kata Pinjaman Arab	11
1.7.3	Puisi	12
1.8	Kesimpulan	12
<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	13
2.1	Pengenalan	13
2.2	Puisi Melayu	13
2.3	Puisi Arab	15
2.4	Puisi Islam	16
2.5	Diksi	17
2.5.1	Definisi Diksi	17
2.5.2	Ketepatan Diksi	18
2.5.3	Kesesuaian Diksi	19
2.6	Bahasa Arab	21
2.7	Kata pinjaman Arab	21
2.7.1	Kata pinjaman Arab dalam bahasa-bahasa dunia	23
2.7.2	Kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu	24
2.7.3	Kajian Diksi Arab dalam sastera Melayu Nusantara	26
2.7.4	Kajian Diksi Arab dalam bidang terjemahan	29
2.7.5	Kajian Diksi Arab dalam aspek pemikiran dan estetika	31
2.7.6	Kajian Diksi Arab dalam laras bahasa agama	32
2.8	Kesimpulan	33

<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>34</b>
3.1	Pengenalan	34
3.2	Kaedah Kajian	34
3.3	Bahan Kajian	34
3.3.1	Kumpulan puisi Sumur Mahmudah	35
3.3.2	Kamus Dewan Edisi Keempat	35
3.3.3	Al-Mu'jam Al-A'rabi Al-Asasiy	35
3.3.4	Al-Mu'jam al Wasit	36
3.4	Teori Semantik (Teori Imej Makna)	36
3.5	Teori Konseptual – Kata Kunci	38
3.5.1	Konseptual	38
3.5.2	Konsep Kata Kunci	39
3.5.3	Prinsip Teori	42
3.6	Proses Pengumpulan Data	44
3.7	Tatacara Penganalisan Data	48
3.8	Pengekodan Data	49
3.9	Kesimpulan	50
<b>4</b>	<b>ANALISIS DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>51</b>
4.1	Pengenalan	51
4.2	OBJEKTIF 1 : Klasifikasi jenis diksi Arab dalam kumpulan puisi Sumur Mahmudah	51
4.3	OBJEKTIF 2 : Ketepatan penggunaan diksi Arab dari aspek semantik	56
4.3.1	Kategori Penggunaan Yang Menepati Makna Asal Dalam Bahasa Arab	56
4.3.2	Kategori Penggunaan Yang Tersasar Dari Maksud Asalnya	98
4.4	Kesimpulan	108
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>109</b>
5.1	Pengenalan	109
5.2	Rumusan	109
5.3	Cadangan	110
5.3.1	Cadangan Untuk Penyair Puisi Islam di Malaysia	110
5.3.2	Cadangan untuk Kajian Akan Datang	111
	<b>RUJUKAN</b>	<b>112</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>117</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>120</b>
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	<b>121</b>

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
3.1 Kata Fokus	40
3.2 Kata Fokus dan Kata Kunci	41
3.3 Hubungan antara Kata Fokus dan Kata Kunci	41
4.1 Diksi baqa	59
4.2 Diksi mahmudah	61
4.3 Diksi zikrullah	64
4.4 Diksi hijab	67
4.5 Diksi ukhrawi	69
4.6 Diksi rabbuljalil	71
4.7 Diksi hasanah	74
4.8 Diksi istighfar	76
4.9 Diksi asrar	78
4.10 Diksi natijah	80
4.11 Diksi mahsyar	83
4.12 Diksi kudrat	85
4.13 Diksi karimah	88
4.14 Diksi syauq	90
4.15 Diksi sirah	93
4.16 Diksi mizan	96
4.17 Diksi raudhah	98
4.18 Diksi takrir	100
4.19 Diksi makrifat	103
4.20 Diksi nawaitu	105
4.21 Diksi takbir	107

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Kesusasteraan Melayu moden meliputi lima genre penting, iaitu puisi, cerpen, novel, drama dan esei kritikan. Kelima-lima genre ini tercipta hasil daripada tanggapan penulis yang menghayati permasalahan diri dengan alam sekitarnya secara imaginatif dan kreatif. Setiap tahap perkembangannya, selaras dengan kemajuan kreativiti penulis, turut mengalami perubahan. Hal ini terjadi disebabkan perubahan pengalaman para penulis yang berterusan melalui kajian empirikal yang selalunya memberikan pengaruh yang jitu dalam pengkaryaan mereka. Kemajuan pesat dalam bidang sains, teknologi dan ilmu pengetahuan turut mewarnai perubahan ini. (Sahlan Mohd. Saman, 2005 :vii)

Puisi ialah luahan emosi daripada seseorang penyair yang berteraskan sesuatu, seperti kejadian yang dilihat atau dialaminya, keakrabannya dengan pemerihalannya yang disampaikan serta emosinya pada masa itu. Sentimen dan perasaan turut memperkaya apa yang ingin disampaikan dalam bentuk puisi tersebut. Seseorang penyair selalunya meluahkan isi puisinya melalui konsep yang abstrak, imaginatif, emosional dan subjektif, mengikut rasa, pengetahuan, pengalaman serta pengurusan bahasa yang dimilikinya. Dalam luahan ini terdapat nadi dan kehidupan yang segar, bergerak bersama-sama pendengar atau pembacanya.

Seseorang penyair mempunyai matlamat atau tujuan tertentu menulis puisi. Kadangkala, sesuatu yang tidak dapat diucapkan dipindahkan ke dalam bentuk puisi dengan cara penyampaian yang lebih murni dan indah. Seperti halnya dengan karya sastra yang lain, keindahan juga dijadikan asas kepada dua ciri utama puisi, iaitu mendidik dan menghibur. Selain kesan mendidik, melalui kesan perikemanusiaan dan pengajaran, puisi juga meninggalkan kesan keindahan khalayak pendengar atau pembacanya. Dengan kata lain, kesan estetikanya juga wajib ada untuk meletakkan sesuatu pengucapan itu dalam genre puisi. (Sahlan Mohd. Saman, 2005 : 2)

Puisi sebenarnya telah lahir 150 tahun sebelum kedatangan Islam dalam kesusasteraan Arab. Puisi pada zaman Jahiliyah berada pada kedudukan yang tinggi dalam kehidupan orang-orang Arab. Ia menjadi alat utama sebagai pemberitahuan pada waktu itu. Puisi menjadi suatu perbendaharaan bagi nilai akhlak dan matlamat pemikiran (jahiliyah) ketika itu (Najib Al-Kilani, 1991:10-11).

Di alam Nusantara ini, puisi adalah salah satu khazanah Melayu yang amat berpengaruh sehingga memberi kesan yang mendalam kepada para pembaca. Di Malaysia, ramai penyair menghasilkan pelbagai puisi dengan genre tertentu saban

tahun. Kebanyakan puisi yang dihasilkan adalah ditulis dalam bahasa Melayu. Namun, terdapat juga segelintir penyair yang gemar menggunakan perkataan bahasa Arab dalam puisi-puisi mereka. Kewujudan unsur Arab dalam bahasa puisi di Malaysia telah mewarnai dunia penulisan puisi di negara ini.

Bahasa Arab merupakan bahasa yang telah lama wujud di dunia dan telah tersebar luas di merata dunia. Menurut sejarah, bahasa Arab mula dibawa ke Malaysia seiring dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu pada abad ke-15. Islam mula muncul dalam Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1414 Masihi apabila Parameswara memeluk agama Islam setelah berkahwin dengan puteri raja dari Pasai. Proses pengislaman ini mencapai kemuncaknya apabila Melaka muncul sebagai pusat penyebaran Islam yang terpenting di Nusantara pada abad tersebut. (Nor Jamalia, 2008).

Maka sudah pasti banyak pengaruh Arab terhadap peradaban Melayu di Nusantara ini. Pengaruh bahasa Arab terhadap peradaban Melayu ini mencakupi pelbagai aspek dari segi pertuturan, sistem tulisan, hiburan, gaya hidup, perkahwinan, sistem ekonomi, agama dan sebagainya.

Terdapat banyak perkataan Arab yang telah dipinjam dan digunakan di dalam bahasa Melayu samada dalam bentuk bahasa pertuturan atau bahasa persuratan. Hampir sebahagian besar perbendaharaan bahasa Melayu meminjam perkataan bahasa Arab. Bahasa Arab juga telah mempengaruhi bidang kesusasteraan Melayu. Para penyair dan karyawan Melayu pada zaman dahulu menggunakan perkataan Arab di dalam karya-karya sastera mereka samada dalam puisi, syair, pantun, gurindam dan lain-lain.

Tidak kurang juga para penyair di zaman moden yang menggunakan perkataan Arab di dalam karya-karya sastera mereka. Kebanyakan karya sastera terutamanya puisi dalam hal ini yang menggunakan perkataan Arab berkait rapat dengan apa yang dipanggil sebagai sastera Islam. Perkara ini diperjelaskan lagi oleh Sahlan Mohd. Saman di dalam bukunya yang bertajuk, "Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden – Puisi" mengenai kebangkitan sastera Islam di zaman moden.

Dari awal dekad 1970-an, kebangkitan sastera Islam di Malaysia turut menyemarakkan pengucapan sajak berunsur Islam. Sebelum ini, tidak banyak penulis yang memberikan perhatian terhadap fenomena keagamaan ini. Kerencakannya lebih terserlah dengan adanya polemik Shahnun-Kassim pada akhir tahun 1970-an. Polemik ini turut membangkitkan tokoh kesusasteraan lain, seperti Rahman Shaari, Nahmar Jamil, Shafie Abu Bakar, Rejab F.I., Suhor Antarsaudara, Azizi Haji Abdullah, Mana Sikana, Mohd. Affandi Hassan dan S. Othman Kelantan. (Sahlan Mohd. Saman, 2005 : 156)

Kecenderungan untuk menghasilkan sajak berunsur Islam semakin ketara selepas dua buah daripadanya memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1971 dan sebuah lagi pada tahun 1972. Mulai saat itu telah dikenal pasti beberapa orang penyair Malaysia yang berkecenderungan menghasilkan sajak berunsur Islam, antaranya Kemala, Shafie Abu Bakar, Nahmar Jamil, Suhor Antarsaudara, Alis Murni (Ali Haji Ahmad), A. Wahab Ali dan Firdaus Abdullah. Bahkan, penyair eksperimen, seperti Suhaimi Haji Muhammad dan A. Ghafar Ibrahim turut menyumbangkan puisi mereka yang bercirikan Islam, dan mendeklamasikannya dalam beberapa pertemuan. Sebagai contoh penglibatan mereka, diperturunkan sebahagian sajak mereka yang bercirikan Islam, iaitu sajak “Pertama” oleh Suhaimi Haji Muhammad daripada kumpulan Chorus Manusia Pengungsi (1976:101) :

allah allah allah allah  
allah allah allah allah  
allah allah allah allah  
allah allah allah allah  
allah allah allah allah

(Puisi asalnya adalah sepanjang 10 baris, tetapi hanya mengulang-ulang perkataan yang sama iaitu ‘allah’. Jadi, pengkaji hanya menulis sebanyak 5 baris sahaja)

Suhaimi dan Ghafar tidaklah menumpukan iltizam mereka terhadap penghasilan sajak berunsur Islam, seperti yang dilakukan oleh Kemala, Alis Murni, Nahmar Jamil, Rejab F.I., Shafie Abu Bakar dan Suhor Antarsaudara. Dalam satu tulisannya, Suhor Antarsaudara (Dewan Sastera, Ogos 1978) mencatatkan peri pentingnya puisi Islam yang wujud sebagai makanan rohani pembaca:

Sajak-sajak rohaniah di Malaysia agak ketara selepas tahun 1969. Penyair sebagai anggota masyarakat yang turut terlibat dalam pelbagai masalah masyarakatnya turut mencari jawapan sebagai panduan hidup masyarakatnya. Islam sebagai ad-din dan ideologi menyuburkan tanaman yang selama ini kehausan pupuk baja.

Secara umum, Suhor Antarsaudara (Dewan Sastera, Ogos 1978) menggariskan empat perkara pokok yang sering dijadikan isi, persoalan atau amanat sajak Islam, iaitu:

- (1) Soal metafizik berdasarkan ilmu tauhid, iaitu alam ghaib, seperti roh, malaikat, syurga, neraka, seksa kubur dan sebagainya.
- (2) Kepercayaan yang berlandaskan logik, yakni akal yang tinggi yang cenderung kepada kebajikan serta ketaatan kepada Allah s.w.t.
- (3) Etika bersandarkan syariat Islam, meliputi ibadah dan muamalah.
- (4) Estetika yang berdasarkan nilai keindahan dan kebahagiaan dunia, di samping kebahagiaan abadi di akhirat. (Sahlan Mohd. Saman, 2005 : 159)

Keempat-empat perkara pokok itu disimpulkan dalam satu pertemuan “Malam Puisi Islam” anjuran Gabungan Penulis Islam Malaysia (GAPIM), bahawa (Sabariah, 1980):

Puisi islam ialah hasil penyair Islam yang mendalami konsep Islam. Penyair Islam menulis puisi-puisinya bertemakan unsur-unsur keislaman. Walaupun dapat diterima bahawa keseluruhan puisi Islam, selagi tidak bercanggah dengan Islam, namun puisi islam patut dilihat bukan dari segi cakupan teorinya, tetapi dari segi nilainya. Nilai puisi Islam dapat ditentukan berdasarkan sejauh mana puisi yang terjelma dari jiwa penyairnya memancarkan nilai keislaman.

Kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan berdakwah melalui puisi menyemarakkan pertumbuhan sajak berunsur Islam mulai tahun 1970. Setiap tahun, bilangannya semakin bertambah; begitu juga halnya dengan jumlah mereka yang turut serta, sama ada di kalangan penyair baru atau penyair mapan, seperti Kemala dan Nahmar Jamil yang kini memperbaharui kecenderungan mereka melakarkan sajak berunsur Islam untuk khalayak pembaca.

Penyair Melayu meneroka alam tauhid dan metafizik, memperlihatkan segala keagungan Tuhan dan segala kejadian yang disajikan-Nya kepada manusia. Mereka memanfaatkan segala keindahan bahasa dengan citra, simbol, metafora dan personifikasi kehidupan. Mereka mengambil sejarah dan tamadun Islam, tamadun Melayu, kisah daripada al-Quran dan hadis, sejarah para nabi dan para sahabat. Tidak kurang pula penyair yang bertolak daripada titik pencarian diri, hakikat hidup, hubungan hamba dengan al-Khaliq dari perspektif sufi atau tasawuf yang begitu tenang serta jernih pula pengamatannya. (Sahlan Mohd. Saman, 2005 : 161)

Selain daripada itu, terdapat juga sebilangan penyair Melayu yang cenderung untuk memilih dan menggunakan perkataan Arab di dalam puisi-puisi yang dihasilkan. Perkataan Arab yang dipilih untuk digunakan di dalam puisi-puisi mereka disebut sebagai diksi Arab. Bertitik tolak daripada kenyataan ini, maka kajian mengenai diksi Arab dalam puisi Melayu adalah sesuatu yang wajar.

Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), diksi ditakrifkan sebagai pemilihan dan penggunaan kata yang tepat dan berkesan untuk mengungkapkan idea (peristiwa dll) secara bertulis atau lisan.



Daripada beberapa buah buku puisi yang telah dibaca dan disemak, pengkaji telah memilih untuk mengkaji kumpulan puisi Sumur Mahmudah yang terdapat di dalam buku antologi puisi Sumur Mahmudah, Mawaddah dan Anugerah. Faktor pemilihan kumpulan puisi ini akan dibincangkan dalam sub topik yang seterusnya.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Diksi ialah satu unsur yang sangat penting bagi menjadikan sesebuah puisi yang dihasilkan itu menjadi lebih indah dan lebih seronok untuk dibaca. Puisi dihasilkan dengan tema yang pelbagai. Tambahan pula, para penyair menghasilkan puisi demi menyalurkan idea dan mesej mereka serta merencanakan aktiviti kesusasteraan di samping memenuhi selera pembaca.

Kemampuan seseorang penyair menggunakan diksi yang betul dan tepat mengikut situasi dan keadaan membolehkan segala maklumat atau idea yang hendak dinyatakan lebih mudah difahami oleh khalayak pembaca.

Diksi diperlukan dalam sesebuah puisi untuk membolehkan sesuatu perkataan atau bahasa itu digunakan dengan betul dan menepati fungsinya. Berpandukan kenyataan ini, kajian terhadap diksi dalam sesebuah puisi adalah perlu.

Kewujudan puisi-puisi yang mengandungi kata pinjaman Arab khususnya dalam kumpulan puisi Sumur Mahmudah telah menimbulkan persoalan terhadap kesesuaian penggunaannya dalam puisi-puisi tersebut. Secara tidak langsung, ia menjadi masalah kajian dalam penulisan tesis ini.

Melalui beberapa tinjauan yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan kajian yang dilakukan banyak berkisar kepada aspek pemikiran, unsur yang berkaitan dengan sesebuah puisi seperti unsur kemanusiaan, unsur alam, unsur perasaan dan lain-lain unsur serta aspek estetika bahasa dalam karya sastera tersebut.

Antaranya, analisis aspek pemikiran dalam karya sastera, Roslindawati Abaseri (2009) telah menjadikan kumpulan puisi “Di Kebun Khatulistiwa” sebagai teks rujukan utamanya. Kajian ini dilakukan untuk melihat pemikiran dalam kumpulan puisi Di Kebun Khatulistiwa karya Rahimidon Zahari terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 2005.

Selain daripad itu, Mohd Haidi (2004) pula dengan tajuk penulisan ilmiahnya, “Analisis Aspek Estetika Bahasa dalam Kumpulan Puisi Nahmar Jamil”. Penulisan ilmiah ini dilakukan dengan membataskan kajian terhadap karya-karya puisi ciptaan Nahmar Jamil yang terkandung di dalam kumpulan-kumpulan puisi “Catatan Tiga Kota” (1986), “Negeri Tercantik” (1986) dan “Titisan Hujan Di Negeriku Titisan

Rindu” (1989). Penganalisaan unsur estetika bahasa ini memfokuskan kepada lebih kurang 150 karya puisi ciptaan Nahmar Jamil yang diadaptasi dan diolah melalui pelbagai tema oleh pengarang.

Selain daripada itu, terdapat sedikit kajian terdahulu yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji tetapi ia adalah secara tidak langsung, iaitu kajian mengenai laras bahasa agama dalam karya sastera yang lain iaitu novel.

Hal ini dibuktikan melalui kajian tesis Nurulaini (2009) yang telah mengemukakan tajuk “Analisis Perbandingan Laras Bahasa Agama Dalam Salju Sakinah Dan Ketika Cinta Bertasbih”. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti laras agama dalam Salju Sakinah dan Ketika Cinta Bertasbih. Berdasarkan tujuan ini, Nurulaini telah meneliti laras agama dari sudut ciri-cirinya iaitu ciri keperihalan dan ciri linguistik. Selanjutnya, akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam Bab 2 iaitu Sorotan Literatur.

Masalah juga boleh timbul sekiranya golongan pembaca kurang memahami atau langsung tidak memahami maksud perkataan Arab yang digunakan dalam sesebuah puisi Melayu. Hal ini boleh berlaku disebabkan kurangnya pendedahan terhadap penggunaan bahasa Arab malah tiada langsung asas ilmu bahasa Arab dalam kalangan pembaca puisi tersebut.

Hal ini membawa kepada satu lagi isu yang boleh dikaitkan dengan kajian diksi Arab dalam kumpulan puisi Sumur Mahmudah iaitu bid’ah linguistik. Di dalam penulisan tesis ini, pengkaji akan memaparkan sebahagian besar daripada luahan dan pendapat daripada seseorang yang hanya dikenali sebagai “Rem” di dalam laman sesawang Yahoo! Groups. Beliau menyalurkan pendapat beliau di dalam Kelab Maya Komuniti Sastera Sabah atau Kemsas. Pendapat beliau ini ditulis pada tarikh 11 November 2005 dengan tajuknya “Bid’ah Linguistik Dalam Puisi-puisi Islam Karya Penyair Sabah. Hasil tulisan beliau boleh dirujuk di bahagian lampiran. (Lampiran)

Apa yang pengkaji boleh rumuskan daripada pendapat “Rem” mengenai bid’ah linguistik dalam puisi-puisi Islam adalah pandangan beliau mengenai penggunaan bahasa-bahasa jargon Arab yang sangat berlebihan. Beliau mengharapkan agar penyair menggunakan bahasa yang biasa dan mudah kerana beliau mempersoalkan adakah nilai rohaniah sesebuah puisi Islam itu ditentukan secara signifikan oleh laras linguistik semata-mata.

Seterusnya, pengkaji ingin memaparkan di sini satu lagi hasil tulisan daripada seseorang yang hanya dikenali sebagai Hasyuda Abadi sebagai respon kepada luahan dan pendapat “Rem”. Namun, Hasyuda bukanlah menulis pendapat beliau sebaliknya hanya memetik tulisan Ainon Mohd, seorang penulis buku terkenal di Malaysia dan juga pemilik kepada syarikat penerbitan buku yang terkenal di Malaysia iaitu PTS

Sdn. Bhd. Tulisan Ainon Mohd itu yang bertajuk Bid'ah Linguistik dipetik daripada laman sesawang <http://ainonmohd.blogspot.com>.

Berikut adalah tulisan Ainon Mohd mengenai bid'ah linguistik di dalam blog beliau :

Salah satu masalah yang menyebabkan buku-buku agama Islam susah dibaca oleh mereka yang hendak belajar sendiri tentang Islam adalah unsur 'bid'ah bahasa' yakni kelaziman pada penggunaan peraturan bahasa feudal dalam buku-buku agama.

Dalam tradisi bahasa Melayu, raja-raja menggunakan bahasa istana, yang berlainan sedikit dengan bahasa Melayu rakyat biasa. Sebagai contoh, raja 'bertitah' manakala rakyat 'bercakap'.

Ustaz-ustaz Malaysia mencipta peraturan feudal untuk bahasa Nabi Muhammad dan Allah. Jadi Allah 'berfirman' manakala Nabi Muhammad 'bersabda'.

Alasan mereka adalah bagi memuliakan Allah dan Nabi Muhammad. Atas alasan itu kata ganti nama feudal 'baginda' (yang bermakna 'dia') dikenakan kepada Nabi Muhammad. Namun bagi Allah, ustaz-ustaz Malaysia tetap menggunakan 'dia'.

Dalam Quran, 'qa-la' (berkata) digunakan untuk Allah, Nabi Muhammad dan sesiapa sahaja, termasuk syaitan!

Bahasa feudal bukan bahasa Quran. Nabi Muhammad bukan raja. Sistem feudal tidak selaras dengan sistem politik Islam.

Perkataan 'sabda' adalah dipinjam daripada bahasa Sanskrit, bahasa kitab-kitab agama Hindu. Perkataan 'firman' datang dari bahasa Parsi, itulah sebabnya perkataan itu tidak ada dalam Quran.

Suatu hal yang menarik, di negara Brunei yang masih amat feudal itu, perkataan 'bersabda' digunakan oleh mufti dan menteri agama negara itu.

Daripada tulisan Ainon Mohd mengenai bid'ah linguistik, dapat disimpulkan bahawa kelaziman pada penggunaan peraturan bahasa feudal dalam buku-buku agama menyebabkan buku-buku agama Islam susah dibaca oleh mereka yang hendak belajar tentang Islam.

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dikemukakan, ia telah mewajarkan kepentingan kepada pengkaji untuk mengkaji ketepatan penggunaan diksi Arab dalam penulisan puisi Melayu.

### 1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan kajian berikut:

- i. Bagaimana diksi Arab dalam kumpulan puisi Sumur Mahmudah dapat dikenal pasti?
- ii. Adakah terdapat klasifikasi jenis-jenis diksi Arab dalam kumpulan puisi yang dikaji?
- iii. Sejauh manakah penggunaan diksi Arab tepat dari aspek semantik?

### 1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan kajian yang telah diutarakan sebelum ini, berikut merupakan objektif-objektif yang cuba dicapai dalam kajian ini :

- i. Mengklasifikasi jenis-jenis diksi Arab dalam kumpulan puisi Sumur Mahmudah.
- ii. Menganalisis ketepatan penggunaan diksi Arab dari aspek semantik.

### 1.5 Batasan Kajian

Pengkaji hanya melakukan kajian ke atas kumpulan puisi yang mengandungi diksi Arab yang dihasilkan oleh penyair di Malaysia sahaja. Di dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji diksi Arab yang terdapat di dalam kumpulan puisi Sumur Mahmudah.

Kumpulan puisi Sumur Mahmudah menjadi pilihan adalah kerana kecenderungan penyair untuk memuatkan diksi Arab dalam puisi-puisinya. Malah, puisi-puisi yang dihasilkan adalah daripada penyair yang sering memenangi peraduan menulis puisi.

Faktor kajian ini dibataskan hanya kepada kumpulan puisi Sumur Mahmudah adalah kerana kredibiliti penulis puisi itu sendiri iaitu saudari Ony Latifah Osman. Beliau seringkali memenangi pertandingan puisi di Sabah.

Berikut adalah biodata ringkas beliau :

Ony Latifah Osman/Ony Basalin/Ony Linggin (Ony@Latifah binti Osman@Linggin@Basalin) sering menggunakan nama pena Ludany On, Ny U'wara, Umi On. Beliau dilahirkan di Kampung Damai, Tandek Kota Marudu, Sabah pada 28 Ogos 1963.

Ony Latifah Osman mula menulis pada tahun 1983, dalam genre puisi, cerpen, skrip drama radio, esei agama/umum, penulis dan Penyampai Rancangan Keindahan Islam, Tazkirah Ramadan di Radio Malaysia Sabah (RTM, Sabah). Aktif dalam Pengacaraan majlis dan pembimbing kelas Fardu Ain. Karyanya tersiar di dalam akhbar Harian Ekspres, Berita Sabah, Utusan Borneo, Harian Mercu, Watan, Majalah Wadah dan Komposisi. Selain daripada itu, karyanya juga telah tersiar di dalam Antologi Bersama; Tazkirah, Cahaya, Jauh yang Erat, Kita Kata Kota, Jurnal Puisi IPS, Tasbih Hayat dan Sapaan Bonda. Manakala Antologi perseorangan yang telah diterbitkan ialah Citra Kasih (Puisi) terbitan Ikatan Penulis Sabah pada tahun 1997.

Beliau merupakan antara Pemenang Peraduan Menulis Puisi Islam pada tahun 2000, 2001, 2002, 2003, 2004, 2005 dan sempena Mahrajan Sastera Islam Sabah.

Berikut adalah senarai tema puisi yang merupakan data kajian.

1. Ketuhanan
2. Sifat
3. Perasaan
4. Keagamaan
5. Pengetahuan
6. Kehidupan
7. Tempat

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini amat berguna untuk para penyair yang ingin menghasilkan puisi yang mempunyai diksi Arab dalam puisi mereka. Kajian ini juga bermanfaat bagi para pembaca juga peminat karya sastera Islam khususnya puisi-puisi Melayu yang mempunyai diksi Arab.

Kajian ini juga penting untuk meneliti diksi Arab yang betul di dalam sesebuah puisi. Ia membantu agar diksi Arab dapat digunakan dengan baik di dalam sesebuah puisi Melayu. Secara tidak langsung, orang yang mempelajari bahasa Arab mendapat manfaat pembelajaran bahasa Arab daripada puisi yang dibaca.

Sememangnya sudah diketahui umum bahawa puisi Melayu samada puisi Melayu tradisi atau moden adalah warisan bangsa Melayu. Kajian ini dilakukan supaya puisi Melayu terus kekal dan sentiasa mendapat perhatian daripada peminat puisi terutamanya puisi Islam.

Selain itu, kajian ini mempunyai kepentingan di dalam bidang kesusasteraan di Malaysia. Ini adalah kerana puisi yang berunsurkan nilai keislaman atau dipanggil kesusasteraan Islam mula mendapat perhatian karyawan seni.

Dengan adanya kajian linguistik ini, diharapkan agar generasi baru dan masa hadapan melihat puisi Melayu dengan adil dan tidak lagi menganggap karya sastra tersebut sebagai sesuatu yang ketinggalan zaman. Tambahan pula pada masa kini peranan puisi Melayu sebagai salah satu media hiburan mulai hilang kerana pengaruh budaya luar dan kemajuan media hiburan yang lebih canggih.

Bagi mereka yang gemar membaca puisi Melayu yang mengandungi diksi Arab, ia adalah suatu nilai tambah atau bonus kerana menambahkan lagi pengayaan leksikon dalam bahasa asing tidak kira samada golongan pembaca terdiri daripada mereka yang pernah mempelajari bahasa Arab ataupun tidak. Malah puisi Melayu moden yang mengandungi diksi Arab sangat sesuai dibaca oleh hampir segenap lapisan masyarakat tidak mengira bangsa atau agama.

## **1.7 Definisi Konsep dan Operasional**

Dalam menghasilkan sebuah kajian yang baik dan berkualiti, sesuatu konsep yang berkaitan dan penting perlu diberikan definisi untuk menyampaikan mesej kepada khalayak pembaca dengan lebih berkesan. Bersesuaian dengan tajuk kajian yang dipilih, maka konsep-konsep yang akan disentuh ialah diksi Arab, kata pinjaman Arab dan puisi.

### **1.7.1 Diksi Arab**

Kamus Komprehensif Bahasa Melayu (2005) mendefinisikan diksi sebagai percakapan atau penulisan; pilihan atau penggunaan perkataan yang tepat dalam sesuatu teks atau ucapan lisan. Kamus Za'ba (2001) pula mendefinisikan diksi sebagai pemilihan atau penggunaan perkataan yang sederhana dalam percakapan atau penulisan.

Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), diksi ditakrifkan sebagai pemilihan dan penggunaan kata yang tepat dan berkesan untuk mengungkapkan idea (peristiwa dll) secara bertulis atau lisan.

Menurut Gorys Keraf (2000) melalui penulisannya di dalam buku yang bertajuk Diksi dan Gaya Bahasa, pengertian pilihan kata atau diksi jauh lebih luas dari apa yang dipantulkan oleh jalinan kata-kata itu. Istilah ini bukan saja dipergunakan untuk menyatakan kata-kata mana yang dipakai untuk mengungkapkan suatu idea atau gagasan, tetapi juga meliputi persoalan fraseologi, gaya bahasa dan ungkapan.

Dengan huraian yang singkat ini, dapat diturunkan tiga kesimpulan utama mengenai diksi. Pertama, pilihan kata atau diksi mencakupi pengertian kata-kata yang dipakai untuk menyampaikan suatu gagasan, bagaimana membentuk pengelompokan kata-kata yang tepat atau menggunakan ungkapan-ungkapan yang tepat, dan gaya yang paling baik digunakan dalam sesuatu situasi. Kedua, pilihan kata atau diksi adalah kemampuan membezakan secara tepat nuansa-nuansa makna dari gagasan yang ingin disampaikan, dan kemampuan untuk menemukan bentuk yang sesuai dengan situasi dan nilai rasa yang dimiliki kelompok masyarakat pendengar. Ketiga, pilihan kata yang tepat dan sesuai hanya dimungkinkan oleh penguasaan sejumlah besar kosa kata atau perbendaharaan kata bahasa itu. Sedangkan yang dimaksudkan dengan perbendaharaan kata atau kosa kata suatu bahasa adalah keseluruhan kata yang dimiliki oleh sesebuah bahasa. (Gorys Keraf, 2000)

Daripada beberapa definisi yang telah dikemukakan, pengkaji dapat membuat rumusan bahawa diksi Arab yang dimaksudkan ialah pemilihan dan penggunaan kata pinjaman Arab yang tepat dan berkesan untuk mengungkapkan sesuatu idea sama ada secara bertulis atau lisan.

### **1.7.2 Kata Pinjaman Arab**

Proses peminjaman perkataan bahasa asing merupakan satu bentuk yang penting dalam perkembangan bahasa Melayu. Di dalam bahasa Melayu, terdapat banyak perkataan yang dipinjam daripada bahasa lain seperti bahasa Sanskrit, bahasa Arab, bahasa Parsi, bahasa Belanda, bahasa Hindi, bahasa Jawa, bahasa Siam, bahasa Tamil, bahasa Portugis, bahasa Cina, bahasa Jepun dan bahasa Inggeris (Jones 2007: xxii-xxxiii). Antara bahasa-bahasa ini, bahasa Sanskrit, Arab dan Inggeris merupakan sumber utama kata pinjaman bahasa Melayu. Menurut Hendershot (1943: 21-22) bahasa Arab merupakan penyumbang utama pengayaan bahasa Melayu. Melihat kepada keterbukaan dasar bahasa Melayu terhadap proses peminjaman, maka tidak menjadi suatu yang ganjil apabila peminjaman atau penggunaan diksi Arab merupakan antara prosedur utama dalam penulisan puisi-puisi yang terdapat di dalam kumpulan puisi Sumur Mahmudah.

Menurut Kamus Linguistik (1997), kata pinjaman bermaksud kata yang dipinjam secara langsung daripada bahasa asing atau kata yang diterjemahkan atau konsep makna yang ditiru daripada kata asing tersebut. Perkataan Arab yang dipinjamkan ke dalam bahasa Melayu meliputi pelbagai aspek dan menyeluruh dalam kehidupan seperti 'aqiqah' dan 'khatan' sehinggalah ke saat kematian seperti 'kafan' dan 'kubur'.

### 1.7.3 Puisi

Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), puisi merupakan karangan yang berbentuk sajak (syair, pantun, dll); berpuisi mengarang puisi, menyatakan sesuatu dalam bentuk puisi; mempuisikan melahirkan (menyampaikan, menyatakan) sesuatu dalam bentuk puisi; pelbagai kisah yang dipuisikan itu boleh menghiburkan hati selepas berpenat lelah di sawah ladang; kepuisian berkaitan dengan puisi, yang menunjukkan ciri-ciri dalam puisi: pembaca tidak dapat memahaminya dan mutu~nya kurang dapat dirasai oleh pembaca; perpuisian segala-gala yang berkaitan dengan puisi: kita di Malaysia telah lama berusaha membentuk suatu tradisi ~ yang kuat; sejarah ~ Melayu; pemuisi orang yang mencipta (mengarang, menulis atau mendeklamasikan) puisi, penyajak.

Kajian awal Za'ba menyebut konsep umum bahawa "puisi" hanya sebagai "karangan berangkap"(Zainal Abidin,1956) yang tidak membawa pengertian khusus, tetapi masih terlalu umum dan mengelirukan. Harun Mat Piah (1989:2) pula dalam tesisnya memperjelaskan lagi konsep istilah "puisi" sebagai "suatu bentuk dan susunan yang istimewa" berbanding dengan "bentuk dan susunan pengucapan biasa", seperti yang digunakan dalam pertuturan setiap hari.

Ujaran ini juga menjelaskan beberapa kriteria yang pernah dikemukakan oleh Holman tentang konsep "puisi" itu secara umum. Holman (1972:405) merumuskan bahawa puisi memiliki tiga ciri mutlak, iaitu isi atau tujuan tertentu, bentuk tertentu dan kesan tertentu.

Oleh itu, dapatlah dirumuskan di sini bahawa puisi adalah pengalihan perasaan, falsafah, pemikiran, harapan, tanggapan atau apa-apa sahaja oleh penyair dalam bentuk kata-kata berangkap yang mempunyai rima sajak dan nilai-nilai estetika dalam bentuk puisi moden yang dikenali sebagai sajak.

### 1.8 Kesimpulan

Penggunaan diksi Arab serta pengaruh unsur Islam masih menjadi fokus utama dalam pembentukan sesebuah puisi Islam bagi memberi kesan positif yang lebih terhadap minda pembaca. Demi menyalurkan idea dan mesej, penyair sering kali cenderung untuk menggunakan diksi Arab dalam puisi-puisi mereka. Justeru, kajian ini merupakan suatu usaha untuk mengenal pasti dan menganalisis aspek penggunaan diksi Arab dalam kumpulan puisi Melayu moden.



## RUJUKAN

- Ahmad Shauqi, A.S. (2000). *Tarikh al-Adab al-'Arabi al-'Asr al-Jahiliy*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Ahmad Mukhtar 'Umar (1988), *'Ilm al-dilalah*. Kaherah : Alim al-kutub.
- Al-Samarra'i, Ibrahim (1977) *Al-lugha Wal Hadhara* (Language and Culture). Beirut: Arabic Institution for Studies and Publication.
- Ali, Abdul-Sahib. (1987). *A Linguistic Study of the Development of Scientific Vocabulary*. London: Kegan Paul.
- Al-Jawaliqi, Abi Mansour. (1966). *al-Mu'arrab min al-Kalam al-A'jami 'Ala Huruf al-Mu'jam*. Edited by Ahmad Shakir. Tahran.
- Al-Karuri, Abdul-Mun'im Muhammad. 1986. *al-Ta'ribfi Daw' Tim al-Lughah al-Mu'asir*. Khartoum: Khartoum University Press.
- Abdullah, A.B. & Muhammad, A.H. (2006). *English Loan Words in the Spoken Arabic of the Southern Part of Iraq: a Sociolinguistic Study*. Journal of the College of Arts, 41 (2006).
- Al-Qinai, J. B. S. (2000). Morphophonemics Of Loanwords In Arabic. *Studies in the Linguistic Sciences*, 30(2).
- Anna Saraswati (2008). Diksi Dalam Terjemahan: Studi Kritik Terjemahan Al-Risalah Al-Qusyairiyah Fi 'Ilmi Al-Tasawwuf. (Master), Universitas Islam Negeri Syarif Syarif Hidayatullah Jakarta, Indonesia.
- Ali Ahmad (1965). *Puisi Baharu Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbak Othman (2005). *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
- Ar-Rafii, M.S. (1937). *Tarikh Adab al-'Arabi*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Almunazzamah al Arabiyah li al Tarbiyah wa al-Thaqafah wa al Ulum. (1999). *Al-Mu'jam al-Arabiyy al-Asasiy*, Tunisia: Larus.
- Benjamin, K. Tsou. (2009). Language contact and lexical innovation. (Atas talian) Muat turun 20 Januari 2011, dari <http://www.wsc.uni-erlangen.de/pdf/tsou.pdf>
- Beg, M.J. (1979). *Arabic Loan Words in Malay Language*. Kuala Lumpur: The University of Malaya Press.

- Badriyah Haji Salleh (1984) *Kampung Haji Salleh dan Madrasah Saadiyah-Salihiah 1914-1959*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cortes, I., Ramirez, J., Rivera, M., & Fayer, J. (2005). *Dame hamburger plain con ketchup y papitas*. *English Today*, 82 (2): 35-42.
- Campbell, S. (2009). *The influence of Arabic on Indonesia and Malay-Linguistic, histography and scholarly journey*. University Western Sydney. (Atas talian) Muat turun 20 Januari 2011, dari [www.hrelp.org/events/seminars/abstracts/campbell\\_abstract.pdf](http://www.hrelp.org/events/seminars/abstracts/campbell_abstract.pdf)
- Che Radiah Mezah. (2001). *Bahasa Arab dan Ciri-ciri Keistimewaannya*. Monograf Bahasa Arab. Bil. 1, 70. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Che Radiah Mezah. (2010). *Penekanan Aspek Semantik Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu Semasa Pengajaran Bahasa Arab*. Pengajaran Bahasa Arab. Siri 1, 33. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Che Radiah Mezah. (2011). *Kosa Kata Arab Teori dan Aplikasi*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Campbell, S. (1996) 'The distribution of –at and –ah endings in Malay loanwords from Arabic', *Bijdragen Tot De Taal-, Land- en Vokenkunde* 152.1: 23-44.
- Elizabeth Drew (1962). *Poetry : A Modern Guide To Its Understanding and Enjoyment*. New York : Dell Publishing Co-Inc.
- Gorys Keraf (1990). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta : Penerbit PT Gramedia.
- Halliday, M.A.K. (1964). "The User and Uses of Language" in *Linguistic Sciences and Language Teaching*. London: Longman.
- Harun Mat Piah, (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan, Mohamad Mokhtar (2005). *Teori Konseptual Kata Kunci*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Hendershot, V. (1943). *First Year of Standard Malay*, California: Pacific Press Association.
- Holman C.H. (1972). *A Handbook to Literature*. New York: The Odyssey.
- Ibrahim Mustafa, et all. (1972). *Al-Mu'jam al Wasit*. (c.2). Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyah.

- Idris Mansor (2002) *Kata Pinjaman Bahasa Melayu Daripada Bahasa Arab (A-M): Kajian Bandingan Dari Aspek Penggunaan Berdasarkan Kamus Dewan dan al-Mu'jam al-Wasit*, Desertasi M.A, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Mansor. (2012). *Pengaruh Sosiobudaya Dalam Terjemahan Arab-Melayu*. Nadwah Serantau Bahasa dan Kesusasteraan Arab Ketiga : Penterjemahan Sebagai Wahana Ilmu.
- Ismail, H. (1982). *Pengantar Kesusasteraan Arab Klasik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Jyh Siu Wee. (2009). *Globalization and a shifting Malay*. (Atas talian) Muat turun 20 Januari 2011, dari <http://hss.fullerton.edu/linguistics/cln/Sew-English%20Influence.pdf>
- Jones, R (2007). *Loan-words in Indonesian and Malay*, Leiden: KITLV.
- Khrisat , A.A. & Mohamad, M.S. (2014). Language's Borrowings: The Role of the Borrowed and Arabized Words in Enriching Arabic Language. *American Journal of Humanities and Social Sciences*, 2(2), 133-142.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia. (2005). Jakarta : Balai Pustaka.
- Kridalaksana, Harimurti. (2001). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia.
- Khoo, K.K. (1980). 'Perkembangan pelajaran agama Islam', dalam Awang Had Salleh, *Pendidikan ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti: pp. 1-36.
- Leech & Short (1981). *Style in Fiction: A Linguistik Introduction to English Fictional Prose*. London: Longman.
- Mengu, G. (2009) "*Comparative frequency analysis of [ai] diphthongization in English and borrowed words which have been Arabic origin in English; A case study.*" *Folklore, Milli*, 21 (84): 139-150. Retrieved from: [www.millifolklore.com](http://www.millifolklore.com)
- Muhammad Hakim Rosly. (2012). *Penguasaan Aspek Perbezaan Gaya Bahasa (Uslub) Antara Bahasa Melayu dengan Bahasa Arab dalam Kemahiran Menterjemah*. Nadwah Serantau Bahasa dan Kesusasteraan Arab Ketiga : Penterjemahan Sebagai Wahana Ilmu.
- Mohd. Taib Osman. (1974). *Asas dan Pertumbuhan Kebudayaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

- Mohd Haidi Mohd Kasran. (2004). *Analisis Aspek Estetika Bahasa dalam Kumpulan Puisi Nahmar Jamil*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Najib Kilani, *Afaq al-adab al-Islami* (terjemahan Khairul Bariah bte Nor). Latihan Ilmiah, (1991). Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Anida Sarudin & Zaharani Ahmad (2012). *Peluasan Makna Alim: Analisis Semantik Kognitif*. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, Volume 12(2), 458.
- Nor Jamalia Ariffin. (2008). *Artikel Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurazmi Kuntum (1991). *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurulaini binti Abu Bakar. (2009). *Analisis Perbandingan Laras Bahasa Agama Dalam Salju Sakinah dan Ketika Cinta Bertasbih*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ony Latifah Osman, Sahara Jais dan Rosnah Radin (2006). *Antologi Puisi Sumur Mahmudah, Mawaddah dan Anugerah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pabiyah Toklubok@Hajimaming & Che Radiah Mezah (2013). *Perubahan Makna Kata Pinjaman Arab: Satu Penelitian dalam Kamus Dewan*. Malaysia International Conference on Foreign Languages. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Rahmat Darmawan (2011). *Analisis Diksi dan Konstruksi Kalimat Dalam Terjemahan Syair Ta'lim al-Muta'allim*. (Master), Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, Indonesia.
- Rahardi, Kunjana. (2007). *Seni Memilih Kata*. Yogyakarta: Yayasan Pustaka Nusatama.
- Robins, R.H. (1964) *General Linguistics: An Introductory Survey*. Hong Kong: Longman.
- Rosnani Hashim (1996) *Education Dualism in Malaysia: Implication for Theory and Practice*, Oxford, Singapore and New York: Oxford University Press.
- Roslindawati Abaseri. (2009). *Pemikiran dalam Kumpulan Puisi Di Kebun Khatulistiwa Karya Rahimidin Zahari*. (Master). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ringbom, H. (1913). "Borrowing and Lexical Transfer" dlm. *Applied Linguistics*. Vol.4: 207-211.

- Ruth M. Kempson (1991). *Teori Semantik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saiful Munir, Nas Haryati S. dan Mulyono (2013). *Diksi Dan Majas Dalam Kumpulan Puisi Nyanyian Dalam Kelam Karya Sutikno W.S: Kajian Stilistika*. Jurnal Sastra Indonesia, JSI 2 (1), 3.
- Sahlan Mohd. Saman (2005). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden : Puisi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabariah Ibrahim. (1980). *Unsur-unsur Keagamaan dalam Puisi Melayu Moden*. Sarjana Muda Sastera, Institut Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM, Bangi.
- Sibawayh, Abi Bishr 'Umar.1317 AH. *Kitab Sibawayh (vol 2)*.Bulaq, Egypt: al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriyah.
- Stacbaowski, M. (2012). "On the consonant adaptation of Arabic (and some Persian) loanwords in Ottoman Turkish dictionary by Arcangelo Corradoiri (1650)." *Studi Linguistica Universitatis Iagellonicae Cracoviensis*, 129, Supplementum: 373-381.
- Shipley, J.T. (1964). *Dictionary of World Literature*. Iowa: New Jersey.
- Tanco, R. D. & Nolasco, R. M. (2009). "*Taglish*" *Verbs: How English loanwords make into Philippines language*. (Atas talian) Muat turun 20 Januari 2011, dari <http://sealang.net/sala/archives/pdf8/tanco2002taglish.pdf>
- Thomason, S.G. (2009). *Arabic in contact with other language*. (Atas talian) Muat turun 20 Januari 2011, dari <http://www-personal.umich.edu/~thomason/temp/arabi>
- Versteegh, K. (2001) '*Linguistic contacts between Arabic and other languages*', *Arabica* 48. 4: 470-508.
- Widyamartaya. (1995). *Seni Menggayakan Kalimat*. Yogyakarta: Kanisius.
- Zainal Abidin Abdul Wahid, (1996). *Malaysia: Warisan dan Perkembangan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zuraini binti Hamisan@Khair. (2003). *Peminjaman Istilah Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu : Satu Kajian Kes*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

## BIODATA PELAJAR

Mohd Hazri bin Zakaria telah memperoleh Master Sastera di Universiti Putra Malaysia. Bidang kajian beliau adalah penggunaan diksi Arab dalam Puisi Melayu.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Gombak Satu dan Sekolah Rendah Agama Taman Melewar. Di peringkat menengah, beliau pernah bersekolah di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Gombak Setia.

Semasa di peringkat sekolah, beliau bergiat aktif dalam persatuan, persembahan nasyid dan pertandingan Tilawah Al-Quran sehingga ke peringkat zon, daerah dan negeri.

Kemudian, beliau menyambung pengajian ke peringkat diploma Pengajian Islam (Bahasa Arab) di Kolej Islam Darul Ehsan. Sekarang, kolej itu dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

Setelah tamat pengajian diploma, beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah iaitu Sarjana Muda Bahasa Arab dan Sastera di Universiti Putra Malaysia. Di universiti yang sama, beliau menyambung pengajian di peringkat master pula.

Beliau pernah mengajar di beberapa buah sekolah rendah agama di Selangor. Antaranya, Sekolah Rendah Agama Sri Gombak, Sekolah Sri Al Amin Bangi, Sekolah Rendah Agama Kajang, Institut Ibnu Majah dan Sekolah Integrasi Al-Syakirin di Shah Alam. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai juruhebah radio di stesen radio Putra FM di Universiti Putra Malaysia.

Selain itu, beliau pernah bertugas sebagai Pegawai Banci di Jabatan Perangkaan Kajang. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai tutor subjek Tamadun Islam dan subjek Pendidikan Moral di Management and Science University (MSU) di Shah Alam.

Kini, beliau berkhidmat sebagai tenaga pengajar subjek Kemahiran Bahasa Arab di Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa (CALC), Universiti Putra Malaysia.

## SENARAI PENERBITAN

### Jurnal

Mohd Hazri, Che Radiah Mezah & Muhd Zulkifli. 2017. Kata Pinjaman Arab dalam Puisi Melayu. Jurnal Kemanusiaan UTM.

### Prosiding

Mohd Hazri, Che Radiah Mezah & Muhd Zulkifli. 2015. Implikasi Penggunaan Kata Pinjaman Arab dalam Puisi Melayu. 5<sup>th</sup> Malaysia International Conference on Foreign Languages. UPM.





**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA**

**SESI AKADEMIK :** \_\_\_\_\_

**TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :**

**KETEPATAN PENGGUNAAN DIKSI ARAB DALAM PUISI MELAYU**

---

**NAMA PELAJAR :** MOHD HAZRI BIN ZAKARIA

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (v )

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar)  
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)  
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini **SULIT** atau **TERHAD**, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]